

06/02/1998

Ekonomi negara di landasan tepat

KUALA KLAUANG, Khamis - Kerajaan yakin ekonomi negara berada di landasan yang tepat untuk kukuh semula berdasarkan keyakinan pemimpin negara asing terhadap kekukuhan ekonomi negara.

Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata pemimpin negara asing yang melawat negara ini yakin bahawa asas ekonomi negara adalah kukuh.

Katanya, mereka juga percaya ekonomi negara akan pulih segera dalam tempoh terdekat.

"Keyakinan pemimpin asing adalah petunjuk bahawa ekonomi negara akan pulih semula dan rakyat perlu menyokong dengan membantu usaha kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis jamuan Aidilfitri anjuran Umno bahagian Jelebu di Bangunan Umno di sini, petang ini. Turut hadir Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Abdullah berkata, kerajaan tidak bertindak sendirian bagi mengatasi masalah ekonomi negara, tetapi menggunakan pendekatan muafakat bersama negara lain.

Sehubungan itu, katanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, melawat Indonesia baru-baru ini dan akan melawat Thailand dan Filipina, minggu ini.

Selain itu, katanya semua kakitangan kedutaan di luar negara diarahkan memperhebatkan penyebaran maklumat yang tepat mengenai ekonomi negara kepada kerajaan dan sektor swasta tempat bertugas.

Katanya, kakitangan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) serta Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan di luar negara turut berbuat demikian.

Sementara itu, katanya, ahli Umno perlu menjadi penggerak kepada perubahan sikap di kalangan rakyat dalam mengutamakan barangan tempatan.

"Sesetengah rakyat, terutama golongan berada masih mengutamakan barangan luar negara, sedangkan barangan itu sebenarnya dibuat di negara ini," katanya.

(END)